

NO. SOALAN: 517

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**SOALAN:**

**YB Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kadar Indeks Syariah telah membantu memacu Malaysia sebagai negara Islam mithali dalam proses pembangunan dan tadbir urus patuh syariah yang berasaskan kepada prinsip Maqasid Syariah.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Indeks Syariah Malaysia (ISM) dibangunkan sebagai satu dimensi baru tadbir urus negara berpaksikan lima prinsip Maqasid Syariah iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Ia berfungsi sebagai satu instrumen untuk mengukur secara saintifik sejauhmana

usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam dasar, polisi dan program pentadbiran negara selaras dengan lima (5) prinsip Maqasid Syariah tersebut.

Bagi memastikan ISM yang dibangunkan tersebut dapat membantu memacu dan memberi impak dalam pembangunan negara, Kerajaan akan terus komited mengaplikasikan lima prinsip universal Maqasid Syariah ini dalam tadbir urus negara, khususnya dalam lapan (8) bidang utama pentadbiran iaitu pendidikan, ekonomi, politik, perundangan, kesihatan, prasarana dan persekitaran, budaya dan sosial.

Penterjemahan dan pengimarahannya secara terfokus prinsip-prinsip utama Maqasid Syariah dalam tadbir urus negara ini mampu memacu pembangunan negara dan memberi impak positif kepada rakyat dalam aspek-aspek berikut:

- (i) jaminan keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran serta perpaduan hidup kepada rakyat sama ada Islam atau bukan Islam;
- (ii) penjagaan dan penghormatan terhadap hak orang bukan Islam dalam mengamalkan agama masing-masing di Malaysia;
- (iii) kesungguhan Kerajaan dalam menambahbaik kehidupan rakyat berpaksikan prinsip sejagat Maqasid Syariah; dan
- (iv) pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia membuka jalan kepada usaha-usaha *tajdid* (pembaharuan), *islah*

(penambahbaikan), *ihya'* (penyemarakkan), *tasbit* (pengukuhan) dan *ta'wid* (pembudayaan) dalam mengimarahkan nilai-nilai sejagat Maqasid Syariah dalam tadbir urus negara dan masyarakat merentas agama dan bangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR.S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]  
TARIKH :  
SOALAN : 526**

**YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk membina poliklinik baru di Sibu. Nyatakan lokasi, kapasiti dan kos pembinaan poliklinik ini.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, Bahagian Sibu, Sarawak mempunyai 15 klinik kesihatan, 1 Klinik Ibu dan Anak, 1 Klinik Desa dan 9 Klinik 1Malaysia (K1M). Kementerian telah menambah perkhidmatan kesihatan di Sibu pada tahun 2016 iaitu pembukaan Klinik Kesihatan Sibu Jaya Jenis 3, K1M UTC Sibu dan K1M Rantau Panjang. Pada tahun ini, Kementerian akan membuka K1M Campus Park kepada masyarakat setempat, walau bagaimanapun klinik ini masih dalam proses renovasi dan 90 peratus siap serta dijangkakan akan siap sepenuhnya dalam masa terdekat. Pada masa ini, Kementerian tidak mempunyai rancangan untuk membina klinik kesihatan baru di Sibu.

**SOALAN ( 5 / 9 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW  
[ SIBU ]**

**SOALAN :**

**YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terbaru projek SCORE di Sarawak dan apakah status terkini projek Tanjung Manis halal hub. Nyatakan dan senaraikan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dalam pembangunan halal hub Tanjung Manis mengikut projek.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah RMKe-11, enam (6) projek baharu telah diluluskan untuk dilaksanakan di SCORE dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM2.1bilion. Antaranya termasuk Projek Jalan Akses ke Tapak Empangan Baleh, Projek Taman Perindustrian Samalaju - Penyediaan Tapak dan Infrastruktur Fasa II, *Mukah Growth Nodes Development* dan Penyediaan Tapak dan Infrastruktur bagi Pusat Pembangunan Hub Halal Tanjung Manis Fasa I. Hub Halal Tanjung Manis di Bahagian Mukah, Sarawak bakal menjadi nukleus kepada perkembangan industri halal di Sarawak. Antara sektor yang akan menjadi tumpuan bagi perkembangan industri ini termasuklah akuakultur, pertanian, pelancongan, penghasilan produk-produk makanan, kesihatan dan kosmetik.

Hub Halal Tanjung Manis kini sedang giat dilengkapkan dengan segala prasarana yang terbaik bagi menghadapi kemasukan pelabur dari dalam dan luar negara dan ini termasuk beberapa projek infrastruktur yang diluluskan di bawah RMKe-10 dan RMKe-11 yang

dilaksanakan oleh Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah  
(RECODA).

Sekian, terima kasih

7 Ogos 2017